

17/11/1997

Tentang ancaman luar (HL)

Nasir Hassan

KOTA BHARU, Ahad - Pas meminta seluruh ahlinya mengetepikan perbezaan fahaman politik, sebaliknya bersatu menentang ancaman luar dalam menangani tindakan sekumpulan anggota Kongres Amerika Syarikat mencampuri urusan negara ini.

Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata parti itu akan menentang apa sahaja tindakan negara luar yang cuba mengganggu kestabilan politik negara ini.

Menurutnya, kenyataan sokongan beliau kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini adalah ikhlas dan meminta semua pihak bersatu tenaga kerana ia membabitkan maruah dan kepentingan negara.

Beliau berkata, Pas sanggup mengetepikan perbezaan politik dalam menyatakan sokongan terhadap kerajaan bagi menjaga kepentingan rakyat dan negara serta memastikan Amerika tidak 'menganas dan bermaharajalela' dengan cuba mengganggu ketenteraman negara.

"Memang saya sokong. Kalau nak kacau sama-sama kita, itu boleh tahan, tapi kalau orang luar nak kacau kita, kita kena bersatu," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Kursus Keusahawanan di Dewan Teratai, Kota Darulnaim, di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Besar Kelantan berkata demikian ketika diminta mengulas usul yang diperkenalkan oleh anggota Kongres Amerika, mendesak Dr Mahathir 'memohon maaf atau meletakkan jawatan' kerana pendirian anti-Amerika dan anti-Yahudi berhubung krisis mata wang Asia baru-baru ini.

Usul yang dicadangkan oleh Robert Wexler (Demokrat-Florida) dan mendapat sokongan 34 anggota Kongres itu bagaimanapun belum dibentang atau dibincangkan dalam Dewan Perwakilan Amerika, tetapi hanya diedarkan di kalangan anggota.

Khamis lalu, semua Menteri Besar dan Ketua Menteri, termasuk Nik Aziz menandatangani resolusi yang menyatakan bantahan terhadap tindakan anggota Kongres Amerika yang cuba mendesak Dr Mahathir meletak jawatan.

Sebelum ini, Nik Abdul Aziz turut menyatakan sokongannya terhadap usaha kerajaan menangani krisis kejatuhan nilai ringgit akibat kegiatan manipulasi dan spekulator mata wang.

Ditanya sama ada pendiriannya itu bercanggah dengan segelintir ahli Pas, terutama penyokong di peringkat bawahan, beliau berkata:

"Tidak semua yang Pas buat itu Umno kena lawan dan tidak semua yang Umno buat, Pas kena lawan. Mesti kena ada titik pertemuan. Jika tidak, orang panggil kita keras kepala.

"Dalam soal apa sekali pun orang luar tidak boleh ganggu kita. Kita pun tidak ganggu Amerika, tidak ada sebab mereka hendak ganggu kita," katanya.

Bagaimanapun, katanya, oleh kerana perkara itu sesuatu yang baru, beliau perlu memberi penerangan kepada ahli parti supaya mereka tidak terkeliru dengan pendiriannya itu.

Beliau mahu seluruh ahli Pas bersikap 'gentleman' kerana ia diajar oleh Islam.

"Kita ketepikan soal politik. Baru orang panggil 'gentleman'," katanya.

Nik Abdul Aziz berkata, beliau bersyukur kerana perpecahan di kalangan ahli Umno dan Pas semakin reda apabila pemimpin kedua-dua parti itu saling memuji dan menghormati satu sama lain.

Menurutnya, Pas bagaimanapun tetap akan menentang jika kerajaan mengiktiraf Israel.

"Ada benda yang Pas perlu sokong, tapi kalau kerajaan Malaysia sokong Israel kita kena lawan. Ini kerana Israel adalah ibarat kanser dalam tubuh manusia," katanya.

(END)